

17/11/2001

Tabung Pembiayaan MSC dilancar

CYBERJAYA, Jumaat - Universiti Multimedia Malaysia (MMU) hari ini melancarkan Tabung Pembiayaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan sumbangan pertama sebanyak RM100,000 oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Kutipan pertama tabung itu hasil lelongan beberapa barangan milik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijalankan dengan kerjasama MDC dan Lelong.com.

Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata hasil lelongan secara online berjaya mengutip sebanyak RM97,903 manakala selebihnya disumbangkan MDC.

"Tabung ini sebahagian usaha MDC membangunkan pekerja yang berpengetahuan (k-pekerja) bagi mempromosikan matlamat Malaysia ke arah masyarakat moden, produktif dan berorientasikan teknologi.

"Kami mencadangkan kepada MMU supaya menggunakan wang dari tabung ini untuk menghasilkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dan memperbaiki kualiti universiti," katanya pada majlis penyerahan cek bernilai RM100,000 MDC kepada MMU untuk tabung itu.

Ia disaksikan Canselor MMU yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir, Presiden MMU, Prof Dr Ghauth Jasmon.

Dr Othman Yeop berkata, beliau mensasarkan kutipan tabung itu akan mencapai RM500,000 tahun depan dan RM1 juta tahun berikutnya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Penolong Pengurus Bahagian Kemasukan dan Biasiswa Pelajar MMU, Hazriyati Akmar, berkata MMU belum memutuskan sama ada wang tabung berkenaan akan diberikan kepada pelajar sama ada dalam bentuk pinjaman atau tajaan.

"Bagaimanapun, kami akan memastikan pelajar sama ada yang mengikuti ijazah pertama atau diploma tidak terkecuali mendapat pembiayaan ini jika layak," katanya.

Ketika ini, beliau berkata, antara 70 hingga 80 peratus pelajar di MMU mendapat tajaan atau pinjaman sama ada dari kerajaan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Mara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak swasta.

(END)